

The background of the entire page is a photograph of two men behind multiple strands of barbed wire. The man in the foreground is on the left, looking towards the camera with a serious expression. The man in the background is on the right, looking slightly away from the camera. The barbed wire is a mix of silver and brown, creating a complex, crisscrossing pattern that dominates the visual field.

# **DISEKSA DAN DITINGGALKAN**

**PELARIAN DINAFIKAN  
HAK DI MALAYSIA**

**AMNESTY  
INTERNATIONAL**





© Private

**Q: "Dan sekiranya seseorang tiba di lapangan terbang dan berkata,  
'Saya seorang pelarian'?"**

**A: "Dia tidak akan dibenarkan masuk. Kami tidak menandatangani Protokol Pelarian."**

Temu bual Amnesty International dengan Datuk Mahmood Bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, 22 Julai 2009

# PENGENALAN

Malaysia merupakan “tempat tinggal” kepada 90,000 sehingga 170,000 pelarian dan pencari suaka, di mana kebanyakan daripada mereka tinggal di pusat-pusat bandar. Mereka datang ke Malaysia untuk mencari tempat perlindungan, melarikan diri dari situasi penyesaan, penindasan dan ancaman maut. Malangnya, sebaik sahaja mereka tiba, mereka dianiayai, dieksploitasi, ditangkap dan dikurung dalam penjara - dilayani seperti penjenayah.

Secara rasminya, Malaysia tidak mengiktiraf status golongan pelarian, menyebabkan ia berada dalam situasi yang bercanggah dengan obligasi antarabangnya, justeru mewujudkan risiko serius terhadap hak asasi pelarian dan pencari suaka. Pelarian dan pencari suaka masih lagi dianggap sebagai pendatang “haram” di Malaysia. Mereka tidak mempunyai status yang sah di sisi undang-undang atau hak untuk bekerja. Walaupun ada perjanjian kerajaan baru-baru ini, saban hari mereka menghadapi risiko ditangkap dan ditahan dalam keadaan yang sungguh menjelikkan, tidak kurang juga dianiayai, termasuk dirotan. Mereka sentiasa dihantui perasaan takut dipaksa pulang ke negara asal di mana mereka mungkin dilucutkan hak mereka malah mungkin dibunuh.

Malaysia masih belum menerima piawaian antarabangsa untuk pelarian dan hak asasi manusia secara formal, tetapi ini tidak membebaskan obligasinya terhadap pelarian dan pencari suaka. Malaysia mesti memastikan bahawa ia tidak menghantar pulang pelarian-pelarian ke negara di mana mereka berdepan dengan risiko diseksa.

Disebabkan kegagalan pihak berkuasa Malaysia untuk menyediakan perlindungan dan bantuan yang diperlukan, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Orang Pelarian (UNHCR) telah mengambil alih kerja ini. Walau bagaimanapun, dana yang terhad dan persekitaran pengendalian pelarian yang amat sukar telah menyebabkan keperluan pelarian melebihi keupayaan UNHCR untuk

---

**Pelarian Rohingya dari Myanmar berjalan ke rumahnya di ibu negara, Kuala Lumpur, Januari 2009.**

mengambil tindak balas yang sewajarnya. Apabila mengambil kira bahawa pihak berkuasa tidak mengiktiraf pelarian secara rasmi, peranan UNHCR dalam pendaftaran pelarian dan memberikan sokongan yang berterusan adalah amat penting. Walaupun sudah terdapat perkembangan yang positif baru-baru ini, cabaran masih wujud dalam mengenal pasti dan mendaftar pelarian.

Walaupun pelarian ini didaftarkan, status mereka masih belum diterima dan dihormati oleh pihak berkuasa. Selanjutnya, untuk UNHCR memperoleh akses kepada tahanan dan mendapatkan jaminan pelepasan pelarian menimbulkan banyak masalah yang berterusan. Tindakan segera perlu diambil untuk mencapai penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan yang memastikan pelarian dilindungi. Ini termasuk menambah bilangan tempat penempatan semula yang tersedia di negara ketiga, yang merupakan satu-satunya penyelesaian untuk majoriti pelarian pada masa ini..

Laporan ini memberi penekanan kepada pelanggaran hak asasi manusia yang dialami oleh pelarian dan pencari suaka di Malaysia.<sup>1</sup> Hak asasi mesti dihormati sejajar dengan piawaian antarabangsa. Satu dasar kemasukan warga asing yang mempunyai kesinambungan serta yang menggambarkan piawaian ini perlu dilaksanakan merentasi semua kementerian kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan perkhidmatan penguatkuasaan undang-undang. Setelah ini dapat dicapai, barulah pelarian dan pencari suaka boleh dilindungi daripada penahanan, eksploitasi, penganiayaan dan paksaan pulang ke negara asal di mana mereka mungkin kehilangan hak-hak asasi mereka – malah nyawa mereka juga.

## METODOLOGI

Laporan ini adalah hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan semasa dua lawatan ke Malaysia pada Julai 2009 dan Mac 2010. Sepanjang dua lawatan ini, Amnesty International telah mengadakan pertemuan dan menemu bual pelarian, pencari suaka, penghijrah, pegawai kerajaan, para majikan, peguam dan kakitangan badan bukan kerajaan (NGO) serta organisasi masyarakat. Pada Julai 2009, Amnesty International telah diberi akses tanpa syarat yang belum pernah diberikan untuk melawat ke tiga kemudahan tahanan imigresen di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan di sekitar ibu negara. Amnesty International telah memerhati satu percabaran awal di mahkamah khas di salah satu kemudahan ini dan telah menyemak rekod percabaran pentadbiran yang sedang berlangsung dan juga yang telah diselesaikan di bawah pengendalian oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perindustrian. Amnesty International menghargai dan berterima kasih kepada semua mereka yang telah meluangkan masa untuk berbincang dengan mereka.



© Private

Seorang pelarian Rohingya dari Myanmar sedang membaca di dalam bilik tidur di kediamannya di Kuala Lumpur, pada Januari 2009. Hampir keseluruhan 90,000 hingga 170,000 pelarian dan pencari suaka yang telah melarikan diri ke Malaysia dan tinggal di beberapa bandar di negara ini. Ramai yang terpaksa tinggal dalam keadaan yang penuh sesak dan sanitasi yang tidak memuaskan.

# BILANGAN PELARIAN

Malaysia merupakan sebuah negara destinasi dan juga persinggahan untuk sebilangan besar pelarian dan pencari suaka. Jumlah tepat golongan ini tidak diketahui disebabkan oleh ketiadaan perangkaan yang disediakan secara umum. Walau bagaimanapun, anggaran meletakkan jumlah ini di antara 90,000 kepada lebih daripada 170,000 orang. Mengikut data UNHCR, majoriti besar datangnya dari Myanmar (lihat kotak).

Sehingga penghujung Februari 2010, UNHCR berkata ia telah mendaftarkan sekitar 82,400 pencari suaka dan pelarian, di mana daripada jumlah tersebut, 18,500 orang adalah kanak-kanak. Bagaimanapun, UNHCR telah mengakui bahawa sebilangan besar orang yang di bawah pemerhatiannya masih belum mendaftarkan diri.

Mereka yang mendaftar sebagai pelarian dan pencari suaka mewakili hanya sebilangan kecil daripada jumlah penduduk bukan warganegara Malaysia di dalam negara. Dianggarkan seramai 2.2 juta pekerja asing sah bekerja di Malaysia, serta anggaran 2.2 juta pekerja asing tidak sah (irregular) telah berhijrah ke negara ini. Apa yang tidak diketahui ialah peratusan penduduk pekerja asing yang sebenarnya merupakan pelarian yang belum didaftarkan atau tidak cuba untuk menuntut suaka.

## PELARIAN DAN PENCARI SUAKA

Pelarian adalah mereka yang tidak boleh pulang ke negara asal mereka disebabkan oleh kebimbangan ditindas kerana bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian kumpulan sosial tertentu mereka. Di bawah undang-undang antarabangsa, status pelarian adalah suatu perisytiharan. Yakni, mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum status mereka diiktiraf secara rasmi. Istilah "pencari suaka" merujuk kepada mereka yang memohon pengiktirafan sebagai pelarian di negara lain dan belum ada keputusan dibuat ke atas status pelarian mereka. Kerajaan atau UNHCR sekiranya kerajaan gagal dalam tanggungjawabnya, hendaklah menyediakan pendaftaran, penentuan status dan penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan untuk pencari suaka dan pelarian.

## BILANGAN TERBESAR PELARIAN DAN PENCARI SUAKA DI MALAYSIA

Negara asal	Bilangan
Myanmar	76,200 <sup>2</sup>
Sri Lanka	3,100
Somalia	840
Iraq	550
Afghanistan	540
Lain-lain	1,170

Sumber: UNHCR March 2010

UNHCR meletakkan jumlah bilangan pelarian dan pencari suaka dalam negara sebanyak 90,000 orang. Anggaran yang dibuat oleh badan bukan kerajaan (NGO) adalah lebih tinggi. Angka 2008 dari Jawatankuasa AS untuk Pelarian dan Pendetang (US Committee for Refugees and Immigrants) meletakkan jumlah pelarian dan pencari suaka pada 171,500 orang.

Daripada jumlah bilangan pelarian dan pencari suaka, 70 peratus terdiri daripada lelaki dan 30 peratus wanita.

# KEGAGALAN MENGUNAKAN PIAWAIAN ANTARABANGSA

Malaysia telah gagal secara konsisten untuk mengesahkan piawai antarabangsa yang melindungi dan menggalakkan hak asasi pelarian dan pencari suaka. Ia bukan pihak kepada Konvensyen Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu 1951 berkaitan dengan Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967nya, satu instrumen antarabangsa utama yang mentadbir urus perlindungan pelarian. Sama juga, ia bukan pihak kepada:

- Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR);
- Konvensyen Terhadap Penderaan atau Layanan atau Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menghinakan (CAT) ;
- Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman;
- Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR);
- Konvensyen Antarabangsa 1990 mengenai Perlindungan Hak Asasi Semua Pekerja Asing dan Ahli Keluarga Mereka

Namun demikian, Malaysia masih lagi terikat dengan undang-undang adat antarabangsa. Justeru, adalah menjadi kewajipan untuk menghormati prinsip *non-refoulement* tunjang kepada perlindungan untuk pelarian. *Non-refoulement* bermaksud seseorang itu tidak boleh dikembalikan ke negara di mana mereka berdepan dengan penindasan atau pelanggaran hak asasi manusia yang lain, dan mereka juga tidak boleh ditolak permohonan masuk ketika berada di sempadan sesebuah negara. Prinsip ini dibangkitkan dalam kes penghantaran pulang secara paksa (di mana seseorang itu dihantar pulang ke negara asal tanpa persetujuan mereka), serta

tindakan secara tidak langsung, termasuk situasi di mana mereka dihantar ke negara lain yang tidak memberi jaminan perlindungan untuk orang pelarian. Sama juga, larangan ke atas penyeksaan diiktiraf dengan meluas sebagai satu peraturan undang-undang adat antarabangsa.

Malaysia juga mempunyai kewajipan di bawah perjanjian yang ia telah meratifikasikan. Ia merupakan pihak kepada Konvensyen mengenai Hak Asasi Kanak-kanak (CRC), yang secara formalnya mempunyai obligasi menjaga kanak-kanak pelarian. Mengikut Artikel 22 CRC, kerajaan hendaklah menyediakan bantuan dan perlindungan secara proaktif kepada kanak-kanak pencari suaka dan pelarian.

Sejak krisis pelarian Vietnam dalam tahun 1975, Malaysia telah bekerjasama dengan UNHCR di atas dasar kemanusiaan, dan membenarkannya untuk menjadi agensi utama yang bertanggungjawab untuk pelarian dan pencari suaka. Dalam kapasitinya yang terhad, UNHCR menyediakan semua aktiviti yang berkaitan dengan mendaftar, mendokumentasikan dan memastikan status pencari suaka dan pelarian. Ia juga cuba mendapatkan penyelesaian jangka panjang dan menyediakan sokongan perikemanusiaan menerusi beberapa program terhad dengan badan bukan kerajaan yang menjadi rakan kongsi dalam hal ini.

Amnesty International menggesa kerajaan Malaysia untuk mengesahkan perjanjian yang berhubungan dengan pelarian dan pencari suaka, memasukkannya ke dalam undang-undang domestik, dan melaksanakannya dalam dasar dan praktis.

---

Pada bulan Julai 2009, agen imigresen dan RELA telah melakukan tangkapan di pusat bandar raya Kuala Lumpur, Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Ikatan Relawan Rakyat, atau RELA pada tahun 1972 untuk "membantu mengekalkan keselamatan negara dan menjaga kesejahteraan rakyatnya".

# ‘PELARIAN TIDAK WUJUD’

Malaysia tetap menyatakan bahawa pelarian dan pencari suaka tidak wujud di negara mereka. Pada masa ini tidak terdapat sebarang undang-undang mahupun rangka pentadbiran untuk mengendalikan pelarian. Undang-undang Malaysia tidak membezakan antara pelarian, pencari suaka dan pendatang tidak sah. Pelarian dan pencari suaka tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk bekerja di negara ini. Mereka tidak menerima apa-apa bantuan

daripada Kerajaan dan sesetengahnya mengambil jalan keluar dengan bekerja tanpa kebenaran hanya untuk meneruskan kehidupan.

Kakitangan kerajaan secara jelas enggan mengiktiraf hak pelarian. Malaysia secara aktif menghukum mereka yang dianggap melanggar undang-undang imigresinnya. Pelarian dan pencari suaka dikenakan hukuman seperti penjenayah, gangguan, layanan buruk, pemerasan, penahanan lama yang tidak sepatutnya dan berisiko, ‘*refoulement*’ (penghantaran pulang secara paksa).

## HUKUMAN DAN HAK UNTUK Mencari SUKA

Sepertimana yang dinyatakan di atas, di bawah amalan undang-undang antarabangsa, prinsip ‘*non-refoulement*’ mewajibkan Malaysia untuk membenarkan kemasukan kepada mereka yang mencari suaka. Bagaimanapun, Malaysia memberi layanan yang sama kepada pencari suaka, pelarian dan pendatang tidak sah. Semuanya dianggap sebagai pendatang haram dan tertakluk kepada hukuman yang sama. Memasuki dan tinggal di Malaysia tanpa permit (kemasukan haram) boleh dihukum dengan denda sehingga RM10,000 (AS\$2,915), penjara



© Amnesty International

sehingga lima tahun dan sejak tahun 2002, pendatang haram boleh dikenakan “sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan”. Hukuman yang sama, termasuk hukuman rotan dikenakan kepada mereka yang masuk semula atau tinggal di Malaysia secara haram setelah mereka dihantar pulang.

Berada di dalam negara melebihi tempoh visa juga boleh dikenakan denda dan tempoh penjara yang sama dengan kemasukan haram – sehingga RM10,000 dan lima tahun penjara- tetapi tidak termasuk hukuman rotan. Hukuman yang sama dikenakan kepada mereka yang masuk atau meninggalkan Malaysia selain dari pusat kawalan imigresen yang sah.

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa sesiapa yang ditahan hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam masa 24 jam atau dibebaskan. Walau bagaimanapun, sesiapa yang bukan warganegara dan yang ditahan kerana pelanggaran imigresen boleh ditahan sehingga 14 hari sebelum dibawa ke hadapan majistret. Kemudiannya mereka dihantar ke pusat tahanan imigresen di mana mereka boleh ditahan untuk satu tempoh yang tidak dinyatakan.

---

**Halaman ini:** Pelarian etnik Chin dari Myanmar menunggu nasib mereka selepas ditahan oleh RELA semasa serbuan imigresen yang dilakukan awal pagi di Kuala Lumpur pada bulan Jun 2007. RELA mempunyai kuasa untuk menahan dan menangkap sesiapa yang disyaki sebagai “pendatang haram”. Beberapa pertubuhan masyarakat awam menggambarkan RELA sebagai ahli kumpulan penguat kuasa di luar undang-undang dan mengkritik mereka kerana menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka dan melanggar hak asasi para pendatang.

**Halaman Bertentangan:** Tahanan yang ditahan di Depot Imigresen KLIA pada Julai 2009. Memandangkan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian, ramai pelarian dan pencari suaka berakhir dalam tahanan.

## DIROMPAK DAN DIANIYAI OLEH AGEN PENGUAT KUASA IMIGRESEN

*“Polis kerap menahan saya, dan juga merompak dari saya. Ada kalanya polis menahan kami dan meminta pasport kami. Kami tidak dapat menunjukkan pasport, jadi mereka memberitahu bahawa kami akan dibawa ke penjara. Tetapi jika kami boleh bayar wang kepada mereka, kami akan dilepaskan. Kadang-kadang, mereka memeriksa semua saku kami. Apa yang kami ada, mereka ambil. Jika anda ada telefon, dan jika masih elok, mereka akan mengambilnya. Sudah beberapa kali ini berlaku kepada saya.”*

Pelarian Katolik Chin dari Myanmar, Julai 2009

Malaysia menguatkuasakan undang-undang imigresen dan pada dasarnya secara ekstrem. Serbuan dan tahanan imigresen kerap dijalankan oleh agen kerajaan, dan yang membuatnya lebih kontroversi adalah serbuan dan tahanan oleh anggota polis sukarelawan rakyat (Ikatan Relawan Rakyat atau RELA). Tahanan yang dibuat mereka mempunyai liputan yang sah. Pihak polis dan RELA mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk memeriksa dokumen pengenalan dan menyelidik status imigresen mereka. Mereka juga boleh membuat tangkapan, penahanan dan hukuman lain untuk kesalahan imigresen. Bagi sesetengah pendatang, ini boleh menyebabkan mereka dipaksa pulang atau ‘*refoulement*’.

Serbuan boleh dilakukan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Pelarian dan pencari suaka sentiasa hidup dalam





keimbangan dan ketakutan bukan sahaja mengenai serbuan tetapi juga akan akibat daripada serbuan tersebut. Amnesty International telah menemui beberapa orang yang telah ditahan semasa serbuan di rumah mereka, di lapangan terbang, di tempat kerja, di tepi jalan raya dan di lokasi lain. Banyak organisasi bukan kerajaan (NGO) juga melaporkan kes orang yang ditangkap pada masa mereka cuba melaporkan salah-laku atau layanan buruk oleh majikan dan agen mereka kepada pihak berkuasa.

Selain daripada serbuan biasa yang dilakukan, setiap beberapa tahun pihak kerajaan juga mengumumkan suatu tindakan keras imigresen secara besar-besaran. Mengikut laporan berita, pada penghujung bulan Februari 2010, satu tindakan keras telah diumumkan dan tahanan telah dilihat meningkat. Pada penghujung bulan Mac, Amnesty International melaporkan lebih kurang 140 orang pekerja pendatang telah ditangkap semasa operasi sapu bersih imigresen, termasuk pelarian yang memegang kad UNHCR.<sup>3</sup>

Semasa serbuan dan pemeriksaan imigresen ini dijalankan, taktik-taktik yang boleh dipersoalkan telah digunakan serta gangguan, pmerasan dan kekerasan kelihatan berleluasa. Kaedah yang digunakan oleh pihak RELA terutamanya bermasalah. Ia termasuk membahagikan tahanan dalam kumpulan secara kasar mengikut bangsa atau etnik tertentu dan mempunyai sikap "tangkap sekarang, siasat kemudian". Sebahagian besar agen RELA yang tidak terlatih ini sering mendedahkan mereka yang ditahan kepada penghinaan, penderaan fizikal, pencurian dan pmerasan. Amnesty International telah mendengar banyak kes yang menguatkan lagi kesimpulan bahawa agen RELA lebih berminat untuk memperoleh keuntungan

peribadi yang haram, melalui apa saja cara yang mereka ada, daripada menjalankan tugas penguatkuasaan imigrasi secara sah.

Pihak berkuasa imigresen memberitahu Amnesty International bahawa peranan RELA sebagai penguat kuasa imigresen akan berakhir pada bulan Ogos 2009. "Kami tidak lagi memberi kuasa tersebut kepada RELA," kata Ketua Pengarah Imigresen kepada Amnesty International pada bulan Julai 2009. Bagaimanapun, pada masa laporan ini dibuat, RELA masih melakukan operasi dengan kuasa ini.

Penglibatan RELA dalam pemeriksaan dan serbuan imigresen telah disaksikan sendiri oleh pihak Amnesty International pada bulan Julai 2009 dan Mac 2010. Pada bulan Julai 2009, agen RELA telah dilihat membuat tangkapan semasa pengumpulan imigresen besar-besaran di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 2010, wakil Amnesty International memerhatikan lebih kurang 40 agen RELA memeriksa dokumen imigresen berhampiran Pasar Seni Kuala Lumpur.

Mengikut maklumat yang diperolehi dari sumber tempatan, RELA terus beroperasi dan menjalankan serbuan imigresen, terutamanya pada hujung minggu. Pada 20 Mac 2010, kakitangan Tenaganita, sebuah NGO tempatan menyaksikan tangkapan lebih kurang 20 orang yang dibuat oleh RELA semasa serbuan berhampiran dengan pejabat mereka. Pada bulan yang sama, UNHCR mengesahkan bahawa RELA masih menjalankan tangkapan.

# CAMPUR TANGAN UNHCR

Sehingga baru-baru ini, usaha UNHCR untuk menghalang pelarian berdaftar daripada dibawa ke tahanan kerap tidak berjaya.

Bagaimanapun, pada bulan Mac 2010, UNHCR telah melaporkan peningkatan dalam keupayaannya untuk campur tangan semasa tangkapan dibuat oleh polis. Selalunya pihak polis menghubungi UNHCR melalui telefon atau secara peribadi. Terdapat talian "hotline" untuk menghubungi UNHCR di luar waktu pejabat.

Jika jumlah tangkapan yang dibuat adalah rendah, pendaftaran dan status orang tersebut dapat disahkan dengan serta-merta dan orang tersebut dibebaskan. Manakala, jika jumlah tangkapan yang dibuat adalah terlalu besar, mereka akan dibawa ke lokap polis. Dalam kes ini, proses pengesahan mengambil masa yang lebih lama dan mereka akan terus ditahan sehingga prosesnya selesai.

Jika seseorang individu itu masih belum berdaftar, mereka akan diletak dalam tahanan. Mereka yang ditangkap, ditahan dalam tahanan sebelum perbicaraan sehingga 14 hari sebelum mereka dibawa ke hadapan majistret di mahkamah khas imigresen dan dituduh di bawah kesalahan imigresen. Perbicaraan ini sering gagal memenuhi keperluan untuk mendapat perbicaraan adil dan awam; pelarian dan pencari suaka selalunya tidak diwakili peguam dan sering tidak diberitahu hak mereka untuk merayu. Ramai di kalangan mereka dihukum sebat, di mana ini melanggar hak mereka untuk bebas daripada penyiksaan dan layanan buruk yang lain. Selepas proses ini, mereka dibawa ke pusat tahanan imigresen. Jika pelarian tidak berdaftar dikenakan hukuman penjara, pihak UNHCR hanya mempunyai akses kepada mereka untuk pendaftaran selepas mereka selesai menjalankan tempoh hukuman penjara dan tiba di pusat tahanan imigresen.

Lebih sukar bagi UNHCR untuk campur tangan dalam situasi di mana RELA atau kakitangan imigresen menjalankan serbuan atau penghimpunan secara besar-besaran. Sebaik sahaja pelarian ditangkap oleh RELA atau kakitangan imigresen, mereka akan dibawa ke salah satu daripada 13 pusat tahanan dalam negara. Pegawai di pusat tahanan kemudiannya menghantar surat kepada

UNHCR menyenaraikan nama-nama mereka yang status pendaftaran perlu diperiksa. UNHCR mengesahkan secara bertulis individu-individu yang mana telah didaftarkan dan membolehkan mereka dibebaskan. Penangguhan yang ketara dalam proses ini boleh menyebabkan penahanan lama yang tidak sepatutnya.

NGO tempatan dan para pelarian melaporkan kebimbangan mereka terhadap keupayaan UNHCR untuk campur tangan dengan segera, berkesan dan konsisten sepanjang proses penangkapan. Sebagai contoh, pada bulan Mac 2010, sekumpulan 23 pelarian dari Myanmar telah ditangkap di tempat kerja mereka. Menurut peguam kumpulan tersebut, pihak polis berkata bahawa sekiranya pihak UNHCR dapat mengesahkan status mereka, mereka akan dibebaskan.

Bagaimanapun, jika pengesahan ini tidak dibuat sebelum hari Isnin, mereka akan diserahkan kepada pihak Imigresen. Walaupun banyak percubaan dibuat untuk menghubungi UNHCR, para pelarian ini telah dihantar ke tempat lain dan peguam gagal menjejaki mereka. Sudah menjadi lumrah, serbuan terhadap pendatang "haram" ini dilakukan pada hujung minggu semasa kemampuan untuk campur tangan adalah terhad.

Pada penghujung bulan Mac 2010, pertubuhan hak asasi Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) mengeluarkan rayuan awam ekoran penangkapan 45 orang rakyat Sri Lanka, di mana 21 daripada mereka telah diiktiraf oleh UNHCR sebagai pelarian. Walaupun mereka memegang dokumen UNHCR, mereka masih ditahan pada 23 Mac di Ipoh dan kemudiannya di bawa ke Pusat Tahanan Imigresen Langkap.

## KURANG PENGHORMATAN DIBERIKAN TERHADAP DOKUMENTASI PELARIAN SEMASA PENGUATKUASAAN

*"Bila anda keluar, polis akan menangkap anda. Mereka akan meminta wang -100R atau 200R. Saya bayar mereka apabila saya ditangkap. Saya telah ditangkap sebanyak tiga kali. Kali terakhir pada bulan Mei 2009. Apabila polis menangkap saya, saya tunjukkan mereka kad UN saya. Mereka berkata kad ini tidak berguna. Jadi mereka meminta wang, 100R sahaja. Polis memanggil saya ke kereta dan hanya meminta wang--mereka tidak meminta benda lain. Kedua-dua kali saya ditangkap sebelum ini, mereka hanya mengambil wang daripada saya."*

Pelarian daripada Myanmar, Julai 2009

Memandangkan ia tidak mengiktiraf status pelarian, pihak kerajaan tidak memberikan pelarian dan pencari suaka apa-apa bentuk dokumentasi bagi membuktikan hak mereka yang sah untuk tinggal di sini. Walaupun UNHCR mempunyai mandat untuk mengeluarkan dokumentasi tersebut, Amnesty International telah menemui banyak

kes di mana dokumen tersebut diabaikan dan akses kepada UNHCR dinafikan. Kebelakangan ini, pegawai kerajaan menyatakan bahawa polis dan agen imigresen tidak akan menangkap mereka yang memegang kad UNHCR. Walau bagaimanapun, sentimen ini tidak menjadi realiti di peringkat pelaksanaan.

Pelarian melaporkan bahawa apabila mereka menunjukkan kad UNHCR mereka kepada pegawai kerajaan atau kakitangan RELA, mereka diberitahu bahawa ia tidak memberikan apa-apa makna. Ada yang melaporkan bahawa pihak berkuasa membuang dokumen UNHCR mereka sebelum melakukan tangkapan. Sebaliknya, bagi mereka yang masih menunggu kad yang sah, mereka menunjuk surat pelantikan mereka daripada UNHCR, namun diberitahu bahawa ia tidak dapat melindungi mereka daripada ditangkap atau ditahan. Namun, ada yang lain menyatakan bahawa mereka boleh terlepas daripada tangkapan atau tahanan dengan membayar rasuah.

## JANGKAU LUAR (OUTREACH) DAN IDENTIFIKASI

Bagi UNHCR, persekitaran pelarian yang rumit di mana mereka beroperasi bermakna jangkau luar dan pengenalan bagi mereka yang memerlukan perlindungan antarabangsa menjadi satu cabaran. Ramai individu memberitahu Amnesty International bahawa mereka tidak menyedari kewujudan UNHCR atau takut untuk meninggalkan rumah mereka, untuk berkunjung ke UNHCR. Langkah sementara kebelakangan ini telah meningkatkan kemampuan UNHCR untuk mengenal pasti pelarian. Masyarakat antarabangsa perlu menyokong proses ini supaya langkah seperti klinik berdaftar bergerak, program jangkau luar dan dokumentasi yang mencukupi dapat diteruskan. Pendekatan proaktif kepada jangkau luar diperlukan dan usaha yang melibatkan masyarakat pelarian dalam aktiviti tersebut merupakan langkah yang positif.

Walaupun Amnesty International menyokong pendekatan berasaskan masyarakat, ia mendesak kewaspadaan dalam menggunakan kaedah pendaftaran tunggal. Kelemahan cara ini dapat dilihat dengan jelas dalam kes berikut.

Pada bulan Mac 2010, Amnesty International mendapat tahu bahawa UNHCR memerlukan pelarian daripada Myanmar untuk mendaftar melalui organisasi masyarakat etnik mereka daripada datang terus ke UNHCR. Kumpulan masyarakat ini memberikan senarai nama kepada UNHCR yang kemudiannya akan mengatur pasukan bergerak untuk pergi lokasi berhampiran (seperti dewan orang ramai atau sekolah). Ini membolehkan UNHCR untuk meningkatkan dengan ketara angka individu yang boleh didaftarkan. Bagaimanapun, tuduhan pilih kasih dan rasuah berleluasa dan ini boleh menyebabkan adanya orang yang terpinggir, memandangkan mereka tidak mempunyai cara untuk berhubung terus dengan UNHCR jika perlu. Tambahan lagi, pencari suaka Rohingya dari Myanmar tidak diwakili oleh mana-mana organisasi yang diiktiraf oleh UNHCR,



Seorang pelarian lelaki menerima ubat di klinik bergerak UNHCR di Kuala Lumpur.

mereka perlu menunggu sehingga UNHCR mengadakan beberapa hari khas bagi membolehkan mereka untuk datang ke pejabat. Ini bermakna padan masa ini, tiada pelarian Rohingya, kecuali mereka yang ditemui dalam tahanan akan didaftarkan sehingga awal tahun depan.

## KELEWATAN MENGENAL PASTI STATUS PELARIAN

Sebaik sahaja berdaftar dengan UNHCR, pencari suaka menerima satu surat pelantikan. Mereka tidak menerima kad UNHCR sehingga mereka melalui proses penentuan status pelarian. Pada bulan Julai 2009, tunggakan kerja sekitar enam bulan antara pendaftaran dan temu duga penentuan status pelarian telah dilaporkan. Penungguan ini menyebabkan beberapa individu hidup dalam ketidaktentuan, tanpa perlindungan yang mencukupi.



UNHCR sedar akan isu ini dan telah memasukkan ke dalam dasarnya mengenai perlindungan pelarian dan penyelesaiannya di kawasan bandar (September 2009):

*“UNHCR mengiktiraf kewujudan perkongsian dengan pihak lain tidak akan mengheadkan tanggungjawab pihak kami untuk berhubung secara tetap dan langsung dengan pelarian di kawasan bandar. Dengan ini, pihak UNHCR tetap berpegang utuh kepada pembentukan mekanisme yang membolehkan organisasi ini menghulurkan tangan kepada pelarian bandar dalam komuniti mereka dan untuk memastikan mereka sedar hak dan tanggungjawab mereka, di samping peluang dan perkhidmatan yang terdapat untuk mereka”.*

UNHCR, Dasar Pelarian Bandar, perenggan 41

## KAD PENGENALAN YANG DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN

*“Dalam keadaan ini, peruntukan dokumen kepada orang yang mempunyai kaitan dengan UNHCR, mengakui pengenalan dan status mereka, boleh memainkan peranan penting dalam menghalang dan mengatasi masalah perlindungan. Ia adalah tanggungjawab utama sesuatu negeri untuk menyediakan dokumen ini. Namun, dalam sesetengah keadaan, di mana pihak berkuasa tidak dapat berbuat demikian, UNHCR akan mengeluarkan dokumennya sendiri kepada pelarian”.*

UNHCR, Dasar Pelarian Bandar, perenggan 63

## Wanita, ada yang bersama anak kecil, ditahan di Depot Imigresen Semenyih.

Pada bulan Februari 2010, Datuk Mahmood Bin Adam, Ketua Setiausaha bagi Kementerian Dalam Negeri, mengumumkan rancangan untuk mengeluarkan kad pengenalan kepada pelarian yang diiktiraf oleh UNHCR. Kad pengenalan ini membolehkan pemegang untuk berada dalam negara secara sementara tetapi tidak boleh mengambil pekerjaan rasmi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Setiausaha, pelarian “tidak boleh bekerja di sini, tetapi mereka boleh membuat kerja rencam.”

Bila kad pengenalan yang dicadangkan ini akan dikeluarkan belum diketahui. Pihak kerajaan tidak menyediakan garis panduan masa untuk proses ini. Ketika menyediakan laporan ini, kad pengenalan yang dijanjikan masih belum dikeluarkan. Walaupun cadangan kad pengenalan ini merupakan satu langkah positif, penangguhan dalam pelaksanaannya melemahkan semangat inisiatif.

Jika kad pengenalan ini diperkenalkan, setiap lapisan kerajaan harus menghormati peranannya. Ini bermakna, pemegang tidak harus ditangkap, ditahan atau dihantar pulang atas sebab imigresen. Lebih-lebih lagi, kesukaran yang dihadapi oleh pelarian untuk mendaftar dengan UNHCR akan memberi kesan terhadap keupayaan mereka untuk mengakses kad pengenalan. Dalam keadaan ini, pegawai kerajaan sepatutnya sentiasa merujuk kepada UNHCR, mana-mana individu tanpa kad pengenalan yang menyatakan hasrat untuk memperoleh kad tersebut.

# TAHANAN

*“Pada suatu hari, anak lelaki saya keluar dan tidak pulang semula. Dua hari kemudian, saya mendapat tahu bahawa dia telah ditahan. Dia hanya berumur 15 tahun tetapi mereka telah membawanya jauh ke Machang. Dia telah ditahan selama lebih setahun. Saya berjaya mengumpulkan cukup duit untuk melawatnya sebanyak tiga kali, namun ia sangat mahal. UNHCR tidak dapat membebaskannya.”*

Pelarian wanita Rohingya dari Myanmar, Mac 2010

Selepas ditangkap, pencari suaka dan pelarian, termasuk sesetengah daripada mereka yang memegang dokumen UNHCR, ditahan di dalam pusat tahanan yang kotor dan penuh sesak di seluruh Malaysia.<sup>4</sup> Ramai ditahan berbulan-bulan tanpa dapat menghubungi peguam dan tanpa cara untuk merayu terhadap penahanan mereka. Ada yang ditahan tanpa diberikan tempoh masa. Sebaik sahaja di dalam pusat tahanan, mereka yang ditahan tidak mempunyai penjagaan kesihatan yang baik, makanan yang mencukupi dan air minum yang bersih. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ditahan bersama dengan orang dewasa dan banyak penderaan dilakukan oleh kakitangan pusat tahanan. Keadaan tahanan yang teruk banyak membawa kepada jangkitan penyakit serius dan dalam keadaan-keadaan tertentu, menyebabkan kematian. Terdapat 13 pusat tahanan imigresen atau depot di Malaysia. Secara keseluruhannya ia mempunyai kapasiti sebanyak 13,000 tempat, walaupun mengikut Kementerian Dalam Negeri mereka sering menempatkan lebih daripada itu.

Mengikut UNHCR, pada tahun 2009 terdapat 6,800 pencari suaka berdaftar berada dalam tahanan. Daripada jumlah ini, 4,600 telah dibebaskan pada tahun itu. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun 2008, apabila UNHCR hanya dapat membebaskan 500 orang.

Selama beberapa tahun, ia adalah mencabar bagi UNHCR, NGO, wartawan dan pihak-pihak lain untuk mendapat akses kepada tahanan di Malaysia. Mereka yang ditahan jarang mendapat kunjungan dalam apa jua bentuk, walaupun perkara ini dinafikan oleh pegawai tahanan. Ini melanggar piawaian antarabangsa yang menjamin seorang tahanan mempunyai hubungan dengan dunia luar. Walaupun terdapat perubahan dalam tahun-tahun

kebelakangan ini, akses tidak selalunya dijamin. Akses sepenuh dan terbuka yang telah diberikan kepada Amnesty International pada tahun 2009 merupakan satu langkah positif ke arah ketelusan dan pembaharuan. Akses sebegini belum pernah diberikan kepada Amnesty International. UNHCR juga melaporkan bahawa mereka kini mempunyai akses yang tetap kepada pusat ini. Pada tahun 2009, mereka berjaya melawat pusat tahanan sebanyak 406 kali. Pegawai UNHCR melaporkan bahawa mereka sering berkunjung dan melawat sehingga 200 orang dalam tempoh dua hingga empat hari.

Walau bagaimanapun akses NGO kepada tahanan adalah tidak menentu dan lebih terhad. Amnesty International menerima laporan bahawa lawatan sering kali dibenarkan hanya jika diiringi keluarga atau rakan tahanan dan juga jika mereka tidak memperkenalkan diri mereka bekerja dengan NGO. Dalam satu kes yang berkaitan, Tenaganita, sebuah badan bukan kerajaan cuba untuk melawat seorang tahanan hamil dari Myanmar di mana keadaan dan penahanannya telah disiarkan dalam laporan berita. Apabila sampai bersama seorang jururawat, mereka diberitahu bahawa hanya ahli keluarga sahaja dibenarkan untuk melawat tahanan.

*“Saya telah ditahan sebanyak empat kali. Kali terakhir (pada) 2007, saya berada dalam tahanan selama lima bulan walaupun saya mempunyai kad UNHCR. Saya telah dipukul oleh RELA di Depot KLIA di hadapan yang lain. UNHCR menasihatkan saya supaya bersetuju untuk pulang. Di sempadan, saya telah dijual (kepada) penyeludup. Saya telah berjaya meminjam (wang) dan telah dihantar pulang.”*

Pegawai tahanan di Depot Imigresen Semenyih, Julai 2009

Walau terdapat jaminan rasmi bahawa tahanan yang berdaftar dengan UNHCR akan dibebaskan dan bukti menunjukkan bahawa perubahan besar telah berlaku pada tahun lepas, Amnesty International masih mendapati bahawa pelarian yang mempunyai kad UNHCR berada dalam tahanan. Amnesty International telah membangkitkan isu ini kepada kerajaan Malaysia pada tahun 2009. Dalam jawapannya, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri menjelaskan, “...terdapat masalah pemalsuan kad pelarian. Kami perlu merujuk kes itu kepada pihak UNHCR di sini. Semasa kes itu dirujuk, mereka perlu tampil ke pusat tahanan.” Walaupun Amnesty International menyokong usaha membanteras kegiatan pemalsuan kad, ini tidak sepatutnya memudaratkan akses para pelarian kepada UNHCR dan pembebasan dari tahanan.

**“Jika UN mengeluarkan kad pelarian, jabatan kami sentiasa menghantarnya kembali ke pejabat. Kami terus membebaskan mereka.”**

Pegawai tahanan di Depot Imigresen Semenyih, Julai 2009



## KESUKARAN MENGAKSES UNHCR DALAM TAHANAN

Pelarian dan pencari suaka yang ditahan melaporkan yang mereka masih tidak dapat mengakses UNHCR. Kelewatan mengambil tindakan berlaku disebabkan oleh kedua-dua belah pihak, di mana pusat tahanan mengambil masa yang lama untuk menghubungi UNHCR dan UNHCR mengambil masa yang lama untuk mengambil tindakan. Kelewatan ini tetap menjadi isu yang serius. NGO tempatan melaporkan akibat daripada kapasiti terhad UNHCR, pembebasan daripada tahanan, walaupun bagi mereka yang paling memerlukannya, selalunya tidak mungkin dapat dilakukan.

Beberapa tahanan melaporkan yang mereka telah dapat mendaftar dengan UNHCR semasa dalam tahanan. Pada bulan Jun 2009, Myo dari Myanmar memberitahu Amnesty International yang beliau telah didaftarkan oleh UNHCR dalam bulan tersebut. Ini setelah berada tujuh bulan dalam tahanan di Depot Imigresen KLIA. Walaupun dalam kes tersebut, tahanan tidak semestinya dibebaskan dengan segera. Ditanya mengapa beliau masih berada dalam tahanan, Myo menjawab yang beliau masih menunggu kadnya.

Pada bulan Mac 2010, UNHCR memberitahu Amnesty International bahawa talian telefon penting (hotline) telah disediakan untuk memudahkan perhubungan, termasuk bagi mereka dalam tahanan. Walau bagaimanapun, para pelarian dan NGO tempatan melaporkan bahawa mereka dalam tahanan terpaksa menyogok kakitangan untuk menggunakan telefon, atau membayar terus kepada pengawal keselamatan untuk menggunakan telefon bimbit mereka. Meski pun talian telefon penting (hotline) merupakan suatu tindakan yang dialu-alukan, terdapat beberapa halangan terhadap penggunaan telefon ini disebabkan oleh faktor kos. Ini bermakna banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memudahkan perhubungan ini.

Di bawah undang-undang antarabangsa, pelarian yang diiktiraf tidak seharusnya ditahan bagi tujuan yang berkaitan dengan penghijrahan. Pencari suaka hanya perlu ditahan sebagai langkah terakhir sahaja, bagi tujuan yang diiktiraf oleh undang-undang

antarabangsa. Keperluan pelaporan, penempatan terarah dan pilihan lain kepada tahanan sentiasa perlu dipertimbangkan terlebih dahulu jika ia berpatutan. Penahanan hendaklah digunakan hanya di mana perlu dan mengikut keadaan, dan hendaklah terhad dalam tempoh masa:

## PENGUSIRAN DAN *REFOULEMENT*

Risiko seterusnya yang dihadapi oleh pelarian dan pencari suaka dalam Malaysia ialah *refoulement*. Sebelum bulan Julai 2009, bagi ramai pelarian di Malaysia, risiko dipaksa pulang ke Thailand adalah amat tinggi. Mengikut UNHCR, dalam masa enam bulan sebelum bulan Julai 2009, 141 orang Myanmar telah diusir ke Thailand. Tidak ada lagi pengusiran ke Thailand diketahui berlaku sejak itu. Negara Thai telah membiarkan pelarian daripada negara-negara lain, seperti Laos, terdedah kepada *refoulement*. Ini telah meningkatkan kesedaran yang pelarian yang dipaksa pulang ke Thailand dari Malaysia akan menghadapi nasib yang sama.

NGO tempatan melaporkan bahawa individu yang mempunyai kad UNHCR berkemungkinan besar tidak akan dihantar pulang. Walau bagaimanapun wujud kebimbangan di kalangan pencari suaka yang mempunyai surat pelantikan UNHCR yang belum lagi diberikan status pelarian. Pada bulan Januari 2010, seramai 19 orang pencari suaka dari Sri Lanka yang berdaftar dengan UNHCR dijangka akan dihantar pulang secara paksa, yang bertentangan dengan prinsip *non-refoulement*. Pengusiran mereka telah digantung selepas orang ramai dan rayuan segera yang disokong oleh SUARAM, Suruhanjaya Hak Asasi Orang Asia, dan lain-lain. Bagi tahanan yang berhadapan dengan masalah *refoulement* dan tidak dapat berhubung dengan NGO atau UNHCR untuk mendapat bantuan, keadaan mereka akan tetap tidak ketahui dan kes mereka tidak direkodkan.



## PENYEKSAAN DAN LAIN-LAIN LAYANAN BURUK

*“Mereka memukul saya dengan teruk semasa dalam tahanan. Mereka adalah pihak polis. Saya mengalami penyakit kencing manis tapi bila saya meminta ubat, mereka memukul saya dengan teruk sekali. Anak-anak saya pergi ke UNHCR untuk membawa saya keluar tapi tiada maklum balas.”*

Pelarian wanita Rohingya dari Myanmar, Mac 2010

Pelarian dan pencari suka terdedah kepada pelbagai bentuk penderaan dan layanan buruk yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia, seperti hukuman sebat. Mereka juga tertakluk kepada layanan buruk yang secara rasminya dilarang tetapi masih diamalkan secara berleluasa, seperti dipukul oleh polis, majikan dan RELA.

Kemasukan dan kemasukan semula secara haram ke Malaysia selepas pengusiran boleh didenda dengan hukuman sebat. Pelarian dan pencari suka, dan juga pekerja asing yang sah di mana pasport mereka dipegang oleh majikan mereka, juga berisiko dikenakan sebatan.

Kepada sesiapa yang membawa masuk seseorang ke Malaysia secara tidak sah, melindungi sesiapa yang melanggar undang-undang imigresen, memalsukan dokumen pengenalan, dan dalam sesetengah kes, mengambil seseorang bekerja tanpa permit kerja yang sah juga tertakluk kepada hukuman sebat, di mana ia adalah mandatori dalam sesetengah kes.

Hukuman sebat bukan hanya digunakan di Malaysia untuk kesalahan imigresen sahaja; ia juga merupakan hukuman tambahan untuk lebih kurang 40 kesalahan jenayah lain.

Kepada sesiapa yang disabitkan kesalahan memasuki secara haram biasanya dikenakan hukuman sebat sehingga tiga kali, walaupun undang-undang membenarkan mereka disebat sehingga enam kali. Sebat menyebabkan kulit terhiris dan ia akan meninggalkan parut yang boleh dilihat berbulan-bulan kemudian. Apabila Amnesty International bercakap dengan tahanan imigresen yang telah menjalani hukuman sebat, beberapa orang daripada mereka memberitahu yang mereka tidak mendapat sebarang rawatan selepas hukuman dijalankan.

**Tahanan di Depot Imigresen KLIA, Julai 2009. Berikutan dengan tangkapan, pencari suka dan pelarian, termasuk sesetengahnya dengan dokumen UNHCR, ditahan dalam keadaan yang teruk di pusat tahanan di seluruh Malaysia.**

Penjatuhan hukuman sebat bercanggah dengan larangan ke atas penderaan dan bentuk kekejaman yang tidak berperikemanusiaan dan merendahkan maruah yang lain, dan melanggar kewajipan Malaysia di bawah undang-undang antarabangsa. Justeru itu, amalan ini harus dihentikan dengan segera.

Di samping pencabulan yang dilakukan oleh kerajaan, pelarian dan pencari suka terdedah kepada pelbagai bentuk layanan buruk yang serius di mana, walaupun tidak dibenarkan secara rasmi, tapi dibiarkan berlaku atau konsep ‘tutup sebelah mata’. Pelarian dan pencari suka terdedah kepada penderaan dan keganasan di kediaman mereka, di tempat awam dan di tempat kerja mereka. Semasa serbuan pihak imigresen, polis dan RELA menggunakan taktik ganas untuk memeras wang daripada mereka, atau untuk menakut-nakutkan dan mengganggu mereka.

Pelarian dan pencari suka wanita selunya menjadi sasaran kepada keganasan, termasuklah keganasan seks atau keganasan yang berasaskan jantina. Mereka mempunyai perlindungan yang amat sedikit terhadap keganasan tersebut, dengan akses yang minimum untuk bantuan guaman, rawatan perubatan, kediaman yang selamat dan sokongan lain yang diperlukan.

*“Anak perempuan saya hanya berumur 12 tahun. Lelaki tempatan telah cuba mengambilnya sebanyak dua kali,” seorang perempuan pelarian Rohingya dari Myanmar, memberitahu Amnesty International.*  
*“Saya telah pergi ke balai polis tetapi mereka tidak mengambil sebarang tindakan. Bagaimanakah saya dapat melindungi anak perempuan saya? Pada sebelah malam mereka datang ke rumah kami dan meminta wang atau anak perempuan kami. Kami berpindah tempat tetapi ia tetap berlaku. Kami tidak tahu apa lagi yang harus kami lakukan.”*

# PERJUANGAN UNTUK HIDUP, BERDIKARI DAN HAK UNTUK BEKERJA

*“Saya bekerja sebagai penoreh getah dalam sebuah estet getah yang kecil. Jika hujan, saya tidak akan dibayar upah kerana tidak boleh menoreh pada hari hujan. Upah akan ditolak jika seseorang tidak datang bekerja. Saya bekerja di sana lebih kurang satu tahun sehinggalah saya diserang penyakit malaria yang serius. Kawan saya telah membawa saya ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan.”*

Pelarian Mon lelaki dari Myanmar, Julai 2009

Pelarian dan pencari suaka tidak mempunyai hak undang-undang untuk bekerja di Malaysia. Manakala sesetengahnya mungkin bekerja secara sah sebagai pekerja pendatang, kebenaran sah tersebut bukan hasil daripada status mereka sebagai pelarian atau pencari suaka. Oleh kerana kerajaan Malaysia tidak menyediakan sebarang bantuan dan UNHCR pula terhad dalam apa yang mereka boleh buat, maka ramai pelarian tidak mempunyai apa-apa pilihan melainkan bekerja dalam sektor tidak formal. Bekerja secara haram mendedahkan mereka kepada penderaan dan pemserasan. Amnesty International bercakap dengan ramai pelarian yang bekerja untuk mendapat gaji yang tidak seberapa, mendapat layanan buruk daripada majikan mereka, gaji mereka ditahan dengan sewenang-wenangnya atau bekerja dalam keadaan yang kotor, merendahkan maruah dan dalam keadaan berbahaya.

Salah satu persoalan yang paling rumit dihadapi oleh UNHCR dalam konteks bandar ialah sama ada untuk menggalakkan para pelarian mencari pendapatan dengan bekerja yang membolehkan mereka tidak bergantung kepada orang lain terutamanya di negara di mana mereka tidak diberi hak untuk memperoleh pendapatan di bawah undang-undang dan amalan nasional. Pejabat UNHCR akan pada mulanya mencari setiap peluang untuk menggalakkan pihak berkuasa supaya lebih fleksibel dalam undang-undang dan amalan mereka untuk memudahkan aktiviti ekonomi pelarian yang tinggal di bandar.

UNHCR, Dasar Pelarian Bandar, Perenggan 104

Akses sah kepada pekerjaan dan ketidakbergantungan pada orang lain merupakan alat perlindungan yang penting. Bukan saja mereka melindungi seseorang daripada pemserasan dalam sektor bukan formal, tetapi juga memastikan akses kepada keperluan asas. Akses kepada pekerjaan dan ketidakbergantungan pada orang lain memastikan bahawa pelarian dan pencari suaka tidak ditolak kepada pilihan lain, seperti “dengan rela” kembali kepada situasi penindasan.

Malaysia amat bergantung kepada pekerja asingnya. Ruang wujud untuk memasukkan pelarian dan pencari suaka ke dalam tenaga kerja ini, serta membantu melindungi golongan ini yang paling memerlukannya. Kementerian Dalam Negeri telah menunjukkan yang Malaysia sedang menimbang untuk membenarkan beberapa pelarian untuk bekerja. Amnesty International amat mengalu-alukan tindakan Malaysia untuk meneruskan cadangan tersebut dan melaksanakannya secara formal hak para pelarian untuk bekerja bagi pelarian dan pencari suaka.

Dalam ketiadaan hak untuk bekerja secara sah, bantuan secara menyeluruh dan berterusan diperlukan untuk menentukan yang pelarian dan pencari suaka mempunyai akses untuk makanan, air, perumahan dan penjagaan kesihatan yang cukup, begitu juga pendidikan untuk anak-anak mereka, dan bahawa mereka tidak akan menderita daripada pencabulan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka. Kerajaan Malaysia hendaklah menunjukkan kesungguhannya terhadap idea ini dengan mengesahkan ICESCR. Sementara itu, UNHCR memerlukan sokongan yang amat penting daripada peringkat atasan komuniti antarabangsa jika ia mahu memenuhi keperluan semasa secara berkesan.

## PENEMPATAN SEMULA

*“Saya tidak tahu mengapa saya masih berada di sini. Ia tidak selamat untuk wanita, tiada pelajaran dan lebih sukar untuk kaum wanita mendapat pekerjaan. AS sedang mengkaji kes saya tetapi sudah lebih setahun berlalu dan saya tidak tahu apa yang terjadi.”*

Pelarian wanita Mon dari Myanmar, Mac 2010

Pada masa sekarang, pilihan perlindungan jangka panjang dalam Malaysia adalah terhad. Daripada tiga penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan – integrasi tempatan, pemulangan ke tanah air secara sukarela dan penempatan semula – pilihan terakhir selalunya merupakan yang paling sesuai bagi kebanyakan pelarian di Malaysia.

Penempatan semula ke negara ketiga, proses di mana negara mana yang akan menerima pelarian di atas permohonan UNHCR atau penaja persendirian, boleh dan harus memainkan peranan penting dalam respons komuniti antarabangsa terhadap keperluan pelarian. Penempatan semula bertindak sebagai beberapa tujuan penting dalam mana-mana krisis pelarian: ia melindungi dengan

mengeluarkan orang yang terjejas daripada persekitaran di mana mereka berada pada risiko; ia menawarkan penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan bagi individu terbabit; dan ia mewakili suatu ungkapan penting terhadap perkongsian tanggungjawab antarabangsa.

Kaitan penempatan semula kepada bilangan pelarian bandar seharusnya tidak diperkecilkan atau disalah anggap. Persekitaran bandar selalunya dilihat sebagai menyediakan lebih peluang untuk tidak bergantung kepada orang lain, dan dengan yang demikian, peluang integrasi tempatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, di negara seperti Malaysia, di mana tiada hak yang formal untuk bekerja, tiada status undang-undang yang formal, tiada bantuan daripada kerajaan dan ditambah pula dengan risiko ditangkap dan ditahan, integrasi tempatan buat masa ini bukanlah satu pilihan untuk sebahagian besar pelarian. Sama juga, penghantaran balik ke negara asal secara sukarela juga bukan suatu pilihan bagi kebanyakan pelarian di Malaysia disebabkan oleh risiko yang berterusan di negara asal mereka.

Penempatan semula menekankan perkongsian tanggungjawab yang lain-lain dalam komuniti antarabangsa ada untuk melindungi pelarian. Tetapi walaupun dengan anggaran UNHCR yang amat konservatif, terdapat jurang besar antara apa yang pihak kerajaan boleh tawarkan untuk melakukan dengan apa yang perlu dilakukan. UNHCR kini menganggarkan sebanyak 747,000 penempatan semula global pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, keupayaan UNHCR yang terhad dan apa yang dapat ditawarkan oleh pihak kerajaan – cuma 100,000 tempat sahaja di seluruh dunia – jatuh jauh di bawah tahap ini. Seseengah negeri juga dilihat mendiskriminasikan atau memihak kepada kumpulan tertentu.

Keperluan penghantaran semula Malaysia jauh melebihi keupayaannya. Ia menghantar bilangan kelima terbesar pelarian bagi penempatan semula secara global. Pada tahun 2008, seramai 8,983 pelarian telah diserahkan untuk penempatan semula dari Malaysia dan 5,865 orang telah pun berlepas. Pada tahun 2009, 7,509 orang – 98% daripada mereka ialah orang Chin Kristian dari Myanmar – telah pun ditempatkan semula, 22% lebih banyak berbanding dengan tahun 2008. Walau bagaimanapun, UNHCR telah menganggarkan sejumlah 15,000 pelarian di Malaysia perlu ditempatkan semula pada tahun 2010. Untuk memenuhi keperluan unjuran ini, banyak lagi tempat untuk penempatan semula perlu diwujudkan, dan UNHCR telah diberikan lebih sokongan untuk memastikan yang ia mempunyai kapasiti yang cukup untuk merujuk mereka yang segera memerlukan penempatan semula.

Amerika Syarikat telah mengambil sebahagian besar kes penempatan semula dari Malaysia dengan penambahan mendadak yang boleh dilihat melalui pengambilan mereka semenjak beberapa tahun yang lepas. Selain daripada AS, Australia, Kanada, Denmark, Norway dan Sweden telah pun secara tradisinya mengambil pelarian



**Pelarian dari Somali, telah diberikan hak untuk menetap di UK, sedang mengemaskan beg beliau dengan pertolongan ahli kakitangan UNHCR bagi persiapan untuk penebangan dari Malaysia ke London, Januari 2008.**

dari Malaysia. Negara yang terlibat ini telah pun baru-baru ini disertai oleh negara lain, seperti Romania dan Republik Czech. Tapi banyak lagi yang boleh dan patut dibuat untuk meningkatkan penempatan semula dari Malaysia.

Amnesty International menggalakkan negara-negara lain untuk melaksanakan program bagi penempatan semula di mana ia belum lagi wujud. Di mana program penempatan semula wujud, Amnesty International mendesak beberapa negara supaya menambahkan pengambilan mereka dari Malaysia, dan untuk meluaskan lagi skop program seperti itu supaya ia memenuhi keperluan orang yang paling lemah dan terjejas, tanpa mengira kewarganegaraan, agama atau etnik mereka. Kesukaran bagi pelarian bandar di Malaysia, termasuk risiko yang mengiringinya, juga perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

## KESIMPULAN

Kepada pelarian dan pencari suaka yang terpaksa melarikan diri dari tanah air mereka dalam mencari perlindungan, Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak menerima mereka dan juga satu tempat yang berbahaya. Kegagalan penguat kuasa Malaysia untuk mengakui kewujudan mereka secara formal mempunyai kesan yang boleh menjejaskan keselamatan mereka dan bertentangan dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Risiko ditangkap dan ditahan secara berpanjangan, layanan buruk, *refoulement*, dan kurangnya penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan bukan hanya setakat menakutkan tetapi suatu realiti kepada pelarian di Malaysia.

Walaupun akhir-akhir ini terdapat perkembangan yang positif, terutamanya berkaitan dengan akses kepada tahanan dan pertambahan pendaftaran, secara keseluruhannya perlindungan terhadap pelarian dan pencari suaka masih lagi tidak mencukupi. Persekitaran pengendalian bandar juga menggandakan cabaran yang timbul melalui tindakan dan polisi penguat kuasa Malaysia. Walau bagaimanapun masih terdapat cara keluar daripada situasi ini iaitu dengan sokongan yang diberikan oleh UNHCR dan komuniti antarabangsa, Malaysia boleh dan mesti memenuhi tanggungjawabnya terhadap pelarian dan pencari suaka.

Satu daripada langkah pertama dan yang paling penting perlu diambil ialah menyediakan status formal yang sah kepada pelarian dan pencari suaka dan mewujudkan sistem pendaftaran di mana mereka akan diberikan dokumen pengenalan. Ini boleh memastikan akses kepada kelayakan yang berkaitan dan penghormatan kepada hak asasi, termasuklah hak untuk tidak ditangkap dan ditahan secara sewenang-wenangnya, dan hendaklah diiktiraf sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab atau pihak lain yang bertindak bagi pihak mereka. Sementara itu, penguat kuasa Malaysia hendaklah bekerjasama dengan UNHCR untuk memastikan bahawa proses pendaftaran yang sedia ada menyediakan perlindungan yang diperlukan.

Kedua, pelarian dan pencari suaka perlu diberi hak yang formal untuk bekerja. Juga penting bagi pencari suaka dan pelarian dilindungi daripada penganiayaan dan peras ugut, dan terutamanya, pasukan RELA hendaklah menghentikan dengan segera tugas-tugas berkaitan dengan imigresen. Pembaharuan segera adalah perlu untuk mengecualikan pencari suaka dan pelarian daripada hukuman jenayah yang berkaitan dengan kesalahan migrasi.

Pada masa yang sama, komuniti antarabangsa boleh menyokong usaha ini dengan menyediakan pertambahan peluang penempatan semula kepada pelarian dalam Malaysia, dan dengan menawarkan bantuan kewangan kepada UNHCR untuk memudahkan keupayaan mereka untuk mendaftar, memproses dan membantu pelarian.

---

## NOTA BELAKANG

1. Pekerja pendatang juga mudah terjejas. Lihat laporan Amnesty International, *Terperangkap: Eksploitasi pekerja pendatang di Malaysia* (Indeks: ASA 28/002/2010).
2. Angka termasuk: 37,600 Chin, 18,200 Rohingya, 5,100 orang Islam Myanmar, 3,500 Mon, 3,200 Kachin. UNHCR, *Pelarian di Malaysia: Helaiian Fakta UNHCR*, Mac 2010.
3. Amnesty International, "Malaysia menangkap pendatang semasa tindakan keras hebat dijalankan," 29 Mac 2010.
4. Lihat juga Amnesty International, *Ada jalan penyelesaian: Hentikan penganiayaan pendatang yang ditahan di Malaysia*, April 2010 (Indeks: ASA 28/002/2010).
5. Lihat Amnesty International, *Malaysia: Hentikan rotan sebagai hukuman terhadap pendatang haram* (Indeks: ASA 28/002/2009).
6. Bilangan terbesar pelarian ditempatkan semula dengan bantuan UNHCR meninggalkan Thailand (16,807), diikuti dengan Nepal (8,165), Syria (7,153), Jordan (6,704) dan Malaysia (5,865). UNHCR, *Soalan Lazim mengenai Penempatan Semula*, September 2009, <http://www.unhcr.org/4ac0873d6.html> (diakses pada 29hb Mac 2010).
7. 193 individu bukan dari Myanmar (Orang Afghan, Iraq, Sri Lanka dan Somali). Mesyuarat dengan UNHCR Geneva, Mac 2010.
8. Myanmar: 14,000; kewarganegaraan lain: 1,000; jumlah: 15,000. UNHCR, *Keperluan Penempatan Semula Global Terunjur 2010*.

# CADANGAN

## KEPADA KERAJAAN MALAYSIA:

- Memberi kebenaran untuk masuk kepada sesiapa saja yang berada dalam kawasan yang berada dalam bidang kuasa Malaysia yang menyatakan kehendak mereka untuk perlindungan antarabangsa dan memastikan mereka mendapat akses segera kepada UNHCR.
- Memastikan yang tiada individu dipaksa pulang dalam apa jua cara sekali ke negara di mana mereka pasti akan menghadapi risiko penindasan.
- Memastikan dokumen UNHCR dihormati oleh semua peringkat penguatkuasaan imigresen.
- Memperkenalkan sistem kad ID kerajaan yang mana ia menyediakan hak yang sah untuk terus berada dalam negara semasa proses penentuan suaka dan untuk selama mana diperlukan oleh pencari suaka dan pelarian, dan yang mana memberikan kelayakan untuk mendapatkan hak dan perkhidmatan yang berkenaan. Memastikan yang kad pengenalan dihormati oleh semua peringkat penguat kuasa imigresen, dan pemegangnya tidak akan ditangkap, ditahan atau diusir.
- Menghentikan hukuman jenayah terhadap pelarian dan pencari suaka, termasuklah perkara yang berkaitan dengan kemasukan yang tidak mengikut peraturan.
- Mengambil langkah untuk melindungi pencari suaka dan pelarian daripada segala bentuk keganasan dan salah guna hak asasi manusia, dan yang terutamanya untuk melindungi wanita dan kanak-kanak daripada keganasan berasaskan jantina.
- Hendaklah menghapuskan dengan serta merta semua tugas dan kuasa berkaitan dengan imigresen daripada RELA, termasuklah kuasa untuk menangkap dan menahan.
- Memastikan bahawa pelarian, kanak-kanak yang tidak diiringi, orang tua, mangsa trauma dan wanita hamil tidak sama sekali ditahan atas sebab-sebab berkaitan dengan penghijrahan.
- Memastikan bahawa pencari suaka hanya ditahan sebagai langkah terakhir selepas pemeriksaan penuh terhadap semua alternatif, yang mana sebarang penahanan adalah perlu dan berpatutan terhadap objektif yang perlu dicapai dan sejajar dengan piawaian antarabangsa.
- Memastikan bahawa pencari suaka dan pelarian yang ditahan, disediakan dengan akses pantas dan tanpa halangan kepada UNHCR.
- Memastikan bahawa penguatkuasaan imigresen dilaksanakan dengan penuh hormat terhadap maruah individu dan mematuhi piawaian antarabangsa terhadap penggunaan kekerasan.
- Menyediakan hak yang sah untuk bekerja bagi pencari suaka dan pelarian dalam Malaysia, dan dokumentasi untuk menentukan yang hak ini difahami dan dihormati oleh majikan.
- Berdasarkan cadangan di atas, menyediakan polisi arahan panduan dan latihan, termasuk mengenai kepekaan jantina, kepada semua pegawai kerajaan yang diberi mandat untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan imigresen.
- Mengesahkan Konvensyen Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu 1951 berkaitan dengan Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967nya, dan membawa bersama undang-undang, polisi dan amalan tempatan yang selari dengan instrumen ini.
- Mengesahkan ICCPR, CAT dan ICESCR, dan menggabungkannya ke dalam undang-undang, polisi dan amalan domestik.

*(bersambung pada halaman sebelah)*

# CADANGAN (bersambung)

## KEPADA KOMUNITI ANTARABANGSA, TERUTAMANYA AS, KANADA, NEGARA-NEGARA KESATUAN EROPAH, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND:

- Menyediakan bantuan kewangan dan teknikal kepada Malaysia dan UNHCR untuk membantu dalam perlindungan dan bantuan kepada pelarian dalam negara.
- Menambah kuota penempatan semula dari Malaysia, dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang paling lemah dan memerlukannya.
- Menggalakkan Malaysia untuk meratifikasikan undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan perlindungan pelarian, pencari suaka dan orang lain yang memerlukan perlindungan antarabangsa.

## KEPADA UNHCR:

- Meneruskan usaha untuk bekerja bersama dengan pihak berkuasa Malaysia bagi memastikan bahawa dokumen pengenalan diiktiraf oleh semua pihak yang terlibat dalam kawalan penghijrahan.
- Mengadakan kempen kesedaran dan advokasi, yang disasarkan kepada para pelarian dan negara tuan rumah, untuk memastikan bahawa terdapat persefahaman terhadap hak dan tanggungjawab pelarian.
- Meneruskan usaha untuk memastikan bahawa individu yang telah ditangkap disebabkan kehadiran yang tidak mengikut peraturan di Malaysia diberi akses segera kepada UNHCR sekiranya mereka menghendakinya.

■ Menilai penggunaan organisasi komuniti sebagai tempat masuk bagi pendaftaran, dan mengambil langkah untuk memastikan bahawa kesemua mereka yang memerlukan perlindungan mendapat akses segera dan adil untuk pendaftaran tanpa mengira kewarganegaraan atau kumpulan etnik.

■ Memberi keutamaan untuk mendapatkan sumber tambahan untuk pejabat mereka agar mereka boleh menambahbaikkan kapasiti mereka untuk menentukan status pelarian dengan segera berikutan dari bertambahnya angka pelarian yang didaftarkan dalam Malaysia, termasuklah untuk menambah kapasiti bagi pendaftaran dan pemprosesan rakyat bukan Myanmar.

■ Menambahkan usaha untuk melindungi pelarian dan pencari suaka daripada keganasan dan penyalahgunaan hak asasi manusia yang lain. Terutamanya, meningkatkan perlindungan terhadap wanita dan kanak-kanak daripada segala bentuk keganasan berasaskan jantina, termasuklah melalui menyasarkan sumber untuk menambah akses kepada bantuan perubatan dan representasi undang-undang serta mendirikan tempat kediaman yang selamat.

■ Meneruskan proses membaiki kemudahan penerimaan bagi mereka yang menunggu di luar dan di dalam kawasan UNHCR, sejajar dengan Dasar Pelarian Bandar UNHCR.

■ Meneruskan untuk bekerja bersama dengan negara penempatan semula untuk memastikan semua pelarian yang perlu ditempatkan semula dirujuk untuk penempatan semula tepat pada masa.

---

Tahanan di Depot Imigresen Lenggeng, Malaysia,  
Julai 2009. Hak cipta: Amnesty International

---

**AMNESTY  
INTERNATIONAL**



Amnesty International merupakan satu pergerakan seluruh dunia yang mempunyai seramai 2.8 juta penyokong, ahli dan aktivis di lebih daripada 150 negara dan wilayah yang berkempen untuk mengakhiri penganiayaan yang serius terhadap hak asasi manusia.

Wawasan kami ialah untuk setiap orang menikmati semua hak yang telah bersemadi dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa yang lain.

Kami adalah satu organisasi yang bebas daripada sebarang kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi atau agama dan dibiayai terutamanya oleh keahlian kami dan derma awam.

June 2010  
Index: ASA 28/010/2010

Amnesty International  
International Secretariat  
Peter Benenson House  
1 Easton Street  
London WC1X 0DW  
United Kingdom  
[www.amnesty.org](http://www.amnesty.org)